

Usahawan digesa teroka pasaran dunia

BH 20 DEC 2002

Oleh Muhd Yusuf
Abu Bakar

BINTULU, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kontraktor dan perunding tempatan meneroka pasaran pembinaan di luar negara kerana mereka mempunyai kepakaran dan pengalaman, setanding dengan negara maju.

Perdana Menteri, berkata syarikat pembinaan tempatan perlu mencontohi rakan mereka dari Korea Selatan yang terbabit dalam pelbagai projek pembinaan di luar negara termasuk Arab Saudi, malah Malaysia turut menggunakan kepakaran bagi membina jambatan Pulau Pinang.

“Dengan kepakaran yang ada kita boleh meneroka pasaran luar negara untuk membuat lebih banyak projek pembinaan yang lebih besar.

“Kita boleh berbangga kerana dalam tempoh terdekat menguasai kepakaran dalam pembinaan dan mampu membuat lebuh raya, jalan raya ekspres dan lapangan terbang,” katanya.

Dr Mahathir berkata, perunding dan kontraktor Malaysia mampu bersaing

dengan rakan mereka dari negara maju lain kerana kita berjaya menunjukkan kemampuan membangunkan negara sendiri.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Lapangan Terbang Bintulu kira-kira 23 kilometer dari di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Mahathir yang tiba dari Kuching dengan jet eksekutif dalam lawatan kerja sehari ke Sarawak mendarat kira-kira jam 1 tengah hari disambut lebih 15,000 penduduk pelbagai kaum, dan sempat menyaksikan pendaratan pertama pesawat MAS Boeing 747-400 MH4802 yang dipandu Pengerusi Besar Kanan Operasi Penerbangan Kapten Mohd Nawawi Awang yang membawa 100 penumpang dari Kuching.

Lapangan terbang bernilai RM385 juta itu mempunyai landasan 2,750 meter dijangka beroperasi sepenuhnya Mac tahun depan.

Perdana Menteri berkata kalau dulu kita menjemput kontraktor dari Jepun dan Korea Selatan untuk melaksanakan projek pembinaan di negara ini, kini peluang

kita pula untuk meneroka pasaran luar dalam bidang yang sama.

Ketika ditanya pemberita, Dr Mahathir berkata, syarikat Malaysia kini sudah mampu melakukan kerja pembinaan di India dan Kemboja dalam projek jalan raya dan pembinaan lapangan terbang.

Mengenai pembangunan Bintulu, Dr Mahathir berkata dengan adanya kemudahan lapangan terbang baru selain pelabuhan baru, Bintulu boleh muncul sebagai kawasan perindustrian berat Sarawak.

“Dengan siapnya Projek Hidro Elektrik Bakun, Bintulu boleh membangunkan industri melebur aluminium dan besi, kerana industri berkenaan memerlukan tenaga elektrik yang banyak.

“Walaupun banyak pihak yang membantah pembinaan projek berkenaan kerana berpendapat tenaga kuasa itu membazir berikutan Sarawak dan Sabah masing-masing memerlukan 700 megawatt dan 400 megawatt tenaga, sedangkan Bakun mampu menghasilkan 2,400 megawatt.

“Bagaimanapun kerajaan berpendapat, lebihan tenaga itu boleh digunakan industri berat,” katanya.